

1981

KUALA LUMPUR, 16 OGOS (BERNAMA)—DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MENGGESA PARA PEKERJA SUPAYA MENANAMKAN SEMANGAT ETIKA PEKERJAAN YANG BAIK DENGAN DATANG MENGIKUT MASA, BERDIDIKASI DAN MEMBERIKAN SUMBANGAN DENGAN SEBAIK-BAIKNYA.

PERDANA MENTERI PERCAYA ETIKA PEKERJAAN YANG BAIK AKAN MEMBAWA KEPADA SUEBUAH NEGARA YANG LEBIH PRODUKTIF DAN MAKMUR DI SAMPING

BERJAMIN KEHIDUPAN YANG LEBIH SELESA KEPADA SEMUA, TERMASUK KAUM PEKERJA.

KATANYA, ARAHAN SUPAYA DATANG MENGIKUT MASA BARU-BARU INI TIDAK DITUJUKAN SEMATA-MATA KEPADA AHLI-AHLI POLITIK DAN KAKITANGAN KE-RAJAAN TETAPI JUGA PENIAGA, EKSEKUTIF DAN PEKERJA SEKTOR SWASTA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR KESAL WALAUPUN NEGARA MEMPUNYAI FAKTOR-FAKTOR DASAR BAGI MENCAPAI KEMAJUAN TETAPI IA MASIH KEKURANGAN ETIKA PEKERJAAN YANG BAIK.

+KITA TIDAK BENAR-BENAR BEKERJA BERSUNGGUH-SUNGGUH ATAU JUJUR. KEBANYAKAN KITA BEKERJA HANYA UNTUK LANG ATAU BEKERJA KURANG SETIMPAL DENGAN GAJI YANG DITERIMA, + KATANYA DI SATU MAULIS MAKAN MALAM ANJURA DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN CINA MALAYSIA DI SINI.

—BERSAMBUNG 2200/H1

B583

MAHATHIR-DIDIKASI 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA SETIAP ORANG HARUS MEMDIASAKAN DATANG TEPAT PADA MASANYA, BEKERJA LEBIH BERSUNGGUH-SUNGGUH DAN JUJUR BUKAN SAHAJA UNTUK LANG TETAPI JUGA BARI KEJAYAAN NEGARA.

DENGAN DATANG TEPAT PADA MASANYA, TIDAK PULA BERMAKNA MEREKA PULANG SEBAIK SAHAJA WAKTU BEKERJA TAMAT, KATANYA.

MEREKA SEHARUSNYA CUSA MENTELESAIKAN SEBANYAK MANA KERJA YANG TERMAMPU DAN JIKA PERLU PULANG LEBIH LEWAT DARI WAKTU BIASA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERPENDAPAT PENGORBANAN ITU MERUPAKAN SATU PELADURAN KERANA DARI SEGI JANGKA PANJANG SEMUA ORANG AKAN MENIKMATI HASIL DARIPADA USAHA-USAHA ITU.

KATANYA: +GOLONGAN ATASAN AKAN MENERIMA PENDAPATAN LEBIH LUMAYAN DAN HIDUP LEBIH SELESA BERTITU JUGA DENGAN TARAF HIDUP KAUM PEKERJA YANG AKAN LEBIH MENINGKAT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGGESA MASYARAKAT PENIAGA CINA MENGA-MBIL BAHAGIAN SEPENUHNYA DALAM DASAR EKONOMI BARU TERMASUK AKTIF DARI SEGI SIKAP DAN SEMANGAT MEREKA. —BERSAMBUNG 2203/H1

MAHATHIR--DEDIKASI 3 KUALA LUMPUR

MEREKA MESTI CUBA JANGAN BERSIFAT EKSKLUSIF DAN MEMBEDA-MENDAKAN BERDASARKAN BANGSA APABILA HENDAK MENGAMBIL KAKITANGAN, MELANTIK AGEN DAN PENJUAL SAMA SEPERTI MEREKA TIDAK MEMBEDA-MEDAKAN APABILA MAHUKAN PELANGGAN.

+BILA INI DAPAT DILAKSANAKAN BARULAH OBJEKTIF DASAR EKONOMI BARU BOLEH DICAPAI DENGAN CEPAT SELAIN DARIPADA MEMPERKEMBANGKAN EKONOMI+, TAMBAH BELIAU.

DATUK SRI DR. MAHATHIR MENGUALANGI BAHAWA DASAR KERAJAAN TERMASUK DASAR EKONOMI BARU TIDAK MENEKAN DAN MERAMPAS HAK ORANG LAIN KERANA SETIAP ORANG TERMASUK MASYARAKAT CHINA AKAN MENDAPAT FAEDAH DARIPADANYA.

BELIAU BERKATA MASYARAKAT PENIAGA CINA AKAN MENERIMA FAEDAH DARIPADA DASAR EKONOMI BARU SEKIRANYA MEREKA MENERIMA HAKIKAT DAGAR TERSEBUT DAN MEMAMINKAN PERANAN SECARA MEREbut PELUANG --PELUANG YANG DAPAT DIPEROLEHI.

+SAYA YAKIN APABILA ANDA DAPAT MENGUASAI EMOSI YANG MENGGANGGU PEMIKIRAN ANDA, ANDA AKAN MENDAPATI BETAPA POSITIF DASAR TERSEBUT DAN IA AKAN MEMBANTU PERNIAGAAN ANDA+.

22 07/81

--BERSAMBUNG

B585

MAHATHIR--DEDIKASI 4 KUALA LUMPUR

BELIAU MENEKANKAN BAHAWA PARA PENIAGA CINA PERLU MEMPUNYAI FIKIRAN TERBUKA DAN PENDEKATAN YANG RASIONAL DALAM MENYELESAIKAN MASALAH YANG AKAN DIPERTIMBANGKAN OLEH KERAJAAN.

KATANYA, +KONFRANTASI DARI PIHAK ANDA ATAU KERAJAAN BUKANLAH PERKARA YANG WAJAR DILAKUKAN+.

TAMBAH BELIAU ADA PERKARA YANG BOLEH DIBAH DAN ADA PULA YANG TIDAK BOLEH DAN APABILA +KITA SEDAR BAHAWA PERUBAHAN TIDAK MUNGKIN DILAKUKAN LEBIH BAIKLAH KITA MENERIMA PERKARA YANG WUJUD DAN MENGGUNAKANNYA DENGAN SEBAIK-BAIKNYA+.

DATUK SRI DR. MAHATHIR BERKATA DEB, AKTA KEMAJUAN PETROLIUM DAN AKTA PENYELARASAN PERINDUSTRIAN ADALAH DASAR DAN UNDANG-UNDANG YANG PENTING BUKAN SAHAJA BAGI KEUTUHAN KERAJAAN BAHKAN UNTUK KEMAKMURAN DAN MASA DEPAN NEGARA.

MENGUBAH ATAU MELEMAHKANNYA AKAN MENIMBULKAN KETIDAKSTABILAN DI NEGARA INI DAN INI TIDAK AKAN MENGUNTUNGGAN SESIAPAPUN TERUTAMA MASYARAKAT PENIAGA.

+MARILAH KITA SAMA-SAMA MENGHADAPI HAKIKAT INI+

BELIAU GEMBIRA MENGETAHUI IKRAR PERSATUAN ITU UNTUK MEMUPUK SATU PERHUBUNGAN BARU YANG BEBAS DARI EMOSI ANTARA MASYARAKAT PENIAGA CINA DAN KERAJAAN.--BERNAMA 2211/81

B588

MAHATHIR--DEDIKASI 5 KUALA LUMPUR (SAMBUNGAN B585)

SEBELUM ITU PRESIDEN GABUNGAN DEWAN DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN CINA MALAYSIA ENCIK WEE BOON PENG, DALAM UCAPANNYA BERKATA PARA PENIAGA CINA MEMANG MENYOKONG DASAR-DASAR KERAJAAN YANG BER-TUJUAN UNTUK MEMESATKAN PERTUMBUHAN EKONOMI DAN MEMUPUK PERPADUAN NEGARA TETAPI MENDAPATI PERLAKSANAANNYA MASIH TIDAK MEMUASKAN. SEBAGAI CONTOH KATANYA TIDAK BERTOLAK ANSUR DAN SIKAP YANG TIDAK MEMUASKAN DI KEPUTUSAN, TIDAK BERTOLAK ANSUR DAN SIKAP YANG TIDAK MEMUASKAN DI KALANGAN BEBERAPA PEGAWAI KERAJAAN DAN INI MERUPAKAN HALANGAN DALAM PENCAPAIAN MATLAMAT PELABURAN.

+RASA KECIWA DAN KELAMBATAN ADALAH PENGALAMAN YANG SERING DIALAMI OLEH PARA PENIAGA YANG INGIN MENDAPATKAN KELULUSAN SESUATU PROJEK.+ KATANYA.

TAMBAH BELIAU BAGAIMANAPUN LANGKAH-LANGKAH YANG DIAMBIL OLEH DATUK SRI DR. MAHATHIR UNTUK MEMPERKUKUHKAN PERKHIDMATAN AWAM DAN MELICINKAN PERTADBIKAN AMATLAH MEMBERANSANGKAN.

--BERNAMA 2303/81